

**[berita] Raja Muda Perlis Saran M'sia-Peru Promosi Pelancongan Bersama
Bernama
16 Oktober, 2012**

KANGAR, 16 Okt (Bernama) -- Hubungan dua hala antara Malaysia dan Peru wajar dipertingkatkan terutama menerusi kerjasama dalam sektor pelancongan, titah Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Titah baginda kedua-dua negara memiliki keunikan tersendiri yang boleh dipromosi bersama.

"Pada masa sama, pertukaran maklumat dan amalan terbaik dalam pelbagai bidang juga harus dipertingkatkan," titah baginda ketika pada pelancaran pameran 'Odyssey: Perlis to Machu Picchu' di sini, malam tadi.

Turut berangkat ke majlis itu Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil. Hadir sama Naib Canselor UniMAP Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin dan Duta Peru ke Malaysia Marco Balarezu.

Pameran selama dua minggu itu dianjurkan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan kerjasama Kedutaan Peru, sebelum disambung di Perpustakaan Negeri Perlis sehingga 30 Dis itu antara lain bertujuan memperkenalkan Machu Picchu yang merupakan destinasi pelancongan di Peru.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=702249>